

SEHARI DI INDONESIA

Rencana ini ialah catitan al-ustādh “Sa‘īd Ramaḍān” yang baharu-baharu ini telah disiarkan di dalam majalahnya “*al-Muslimūn*”. Bahagian ini ialah penutup bilangan yang lalu. – P.Q.

Rahmah al-Yūnusiah

Akhirnya tibalah kami di bandar Padang Panjang, sebuah bandar yang permai. Tatkala saya melihatnya teringatlah saya akan Bandar “Kakul” di Pakistan yang terkenal dengan kolej tenteranya.

Bandar “Padang Panjang” ini adalah terkenal dengan “Kolej Guru-guru Perempuan Islam” yang telah didirikan oleh al-Fāḍilah al-Ustādhah Rahmah al-Yūnusiyah. Rakan-rakan saya telah mengesyorkan supaya kami singgah menziarahinya dan kami pun singgah sebentar. Kami telah terkejut kerana di sana kami dapati kaum ibu yang mewakili seluruh daerah “Sumatera Tengah” sedang mengadakan suatu perjumpaan besar. Kebanyakannya murid tua dari kolej itu tetapi sekarang masing-masing telah menjadi ibu dan permaisuri rumahtangga. Mereka bersidang pada hari itu kerana hendak membincangkan undang-undang perkahwinan dan kewajipan menjaga hukum-hukum Islam di dalamnya.

Saya pun bertanya tentang i‘tirad mereka terhadap undang-undang tersebut. Salah seorang daripada mereka menjawab dengan memberi missal katanya: Undang-undang itu mewajibkan seseorang suami apabila menceraikan isterinya supaya membayar seribu rupiah kepada isterinya itu, padahal Islam tidak menuntut yang demikian maka betapa si suami itu dikenakan hukuman ini?”

Roh Keislaman yang Meluap-luap

Terpegun saya memikirkan roh keislaman yang demikian tingginya, yang mendorong mereka bersatu padu dan tunduk

kepada hukum Islam dengan tidak terpengaruh atau dipengaruhi oleh sebarang undang-undang yang lain. Saya juga sangat-sangat tertarik kepada pakaian mereka yang cantik dan bersopan santun, yang hanya melahirkan muka mereka dalam suasana yang seolah-olahnya dipenuhi oleh malaikat. Ustazah Rahmah pun meminta guru-guru dan penuntut-penuntut perempuan segera berkumpul, lalu dipintanya saya berucap kepada mereka sepatah dua berkenaan Islam dan pergerakan al-Ikhwān al-Muslimīn serta hal ehwal Mesir pada hari ini, saya pun menunaikan permintaan itu. Ucapan saya itu diterjemah oleh saudara Hasan dan mereka kelihatan mendengarnya dengan tenang dan bersungguh-sungguh. Saya telah terkejut kerana selepas itu salah seorang perawan dari mereka telah bangun mengalu-alukan saya dengan bahasa Arab sambil bertanyakan saya akan sebab-sebab parti-parti politik Mesir telah dirombak, dan bertanyakan perkaitan gerakan tentera Mesir (yang dipimpin oleh Najib) dengan gerakan al-Ikhwān al-Muslimīn dan setakat mana kesannya perlembagaan baharu Mesir. Mereka juga telah bertanyakan perihal pergerakan kaum ibu di Mesir iaitu adakah pertubuhan “al-Ikhwāt al-Muslimāt” (bahagian kaum ibu dari pertubuhan al-Ikhwān al-Muslimīn) dapat menentang pergerakan kaum ibu (yang berdasarkan kebangsaan dan menuntut hak sama rata sama rasa dengan kaum lelaki) yang lepas bebas dan melampaui batas itu? Mereka juga tidak lupa bertanyakan: Sudahkan sampai masanya kerajaan Mesir melarang filem-filemnya yang tidak bersopan itu daripada masuk ke Indonesia? “Filem-filem itu – kata mereka – bukan sahaja

merosakkan akhlak kami bahkan juga merosakkan nama baik Mesir di negeri ini!”

Kesedaran mereka yang demikian sebenarnya telah mencengangkan saya. Saya pun memberi selamat tinggal setelah berehat di situ dua jam lamanya, dengan hati yang sangat-sangat tertarik dan berkenan kepada kecerdasan mereka lalu saya hadiahkan kepada mereka gambar isteri saya. Terlalu sukanya

mereka menyambut gambar itu kerana pakaiannya itu adalah menyerupai pakaian mereka. Mereka tidak lupa berkirim salam kepadanya dan kepada pertubuhan al-alkhwāt al-Muslimāt di Mesir.

Di Bukit Tinggi

Dari sana kami meneruskan

perjalanan kami ke Bukit Tinggi.

Kami tiba di situ pada petang hari, lalu kami ziarah ke rumah ketua Parti Masyumi kemudian kami terus ke rumah tumpangan dan setelah berehat sebentar kami pun keluar lalu menuju ke kedai makan. Kedai makan yang kami tuju itu bernama “Selamat” iaitu suatu kalimah Arab sebagaimana yang tuan lihat. Sambutan dan layanan yang baik dari penjual-penjual di kedai itu sebenarnya telah meninggalkan kesan yang bukan kecil di hati saya, sebagaimana juga saya telah tertarik mendengar kalimah “*ya Illahi*” dari suatu nyanyian di radio. Sesungguhnya kalimah ini telah membangkitkan kenangan-kenangan yang bukan sedikit di hati saya; kemasukan Islam bagi pertama kali ke negeri ini melalui orang-orang Arab (dan Hindi), perhubungan agama yang sangat dalam yang mengikat saya dengan anak-anak negeri di sini, serta kesan yang besar yang akan ditimbulkan oleh persatuan bahasa apabila bahasa Arab berkembang siarannya dalam negara-negara Islam, dan, dan saya pun balik ke rumah tumpangan saya kerana hendak tidur, sedang hati dan kepala saya penuh tepu dengan kenangan-kenang itu!!

Pejabat Kadi Kampung Gelam

Nombor 38 Kandahir Street, Singapura.

Adalah saya Haji Ali bin Haji Sulaiman Kadi Kampung Gelam Singapura, ucapkan berbanyak-banyak dan setinggi-tinggi terima kasih di atas pertolongan dan bantuan Tuan Tabib H.G. Mustaffa yang telah mengubatkan penyakit buasir yang saya telah hidapi selama lebih kurang (15) tahun lamanya.



Tetapi Alhamdulillah berbanyak-banyak syukur saya kepada Allah Subhānahu wa Ta‘ālā hendak memanjangkan umur saya lgi dapatlah saya bertemu dengan tuan Tabib H.G. Mustaffa nombor 280 Victoria Street, Singapura. Jikalau tidak tentulah menjadi melarat selamanya. Maka dengan sebab kemahirannya dengan persetujuan Allah wa Ta‘ālā mengabulkan perbuatannya

penyakit saya telah sembuh dengan tidak payah dipotong hanya gugur dengan sendiri di dalam sedikit masa sahaja. Inilah saya memberi sedikit akuan padanya wassalam adanya.



TABIB H.G. MUSTAFFA
Punjab Medical Hall,
No. 280, Victoria Street,
Singapore City (7).